



## SIARAN MEDIA

### MPS JALIN INISIATIF KOLABORATIF BERSAMA PIHAK SWASTA MENERUSI PENANAMAN POKOK

Seramai 90 orang peserta terdiri daripada kakitangan Majlis Perbandaran Selayang (MPS), kakitangan Daikin Malaysia, I-Green Landscape dan Pro T telah menyertai Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Penanaman Pokok Rizab Jalan yang dirasmikan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS. Program ini telah diadakan pada 19 Ogos 2023 (Sabtu) bertempat di Jalan BRP 7, Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh bermula pukul 7.30 hingga 11.30 pagi.

Program CSR ini merupakan yang pertama dilaksanakan bagi tahun 2023 di mana pada tahun 2022, MPS telah turut serta dalam tiga program CSR di Jalan Utama Batu Caves, Taman Rimba Templer dan Central Park Gamuda Gardens. Kali ini, sejumlah 6 pokok syzygium polyanthum (salam) dan 1,700 pokok renek jenis loropetalum chinense var. rubrum (kesinai) serta tabernaemontana divaricata (jasmine) yang bernilai RM 15,000 telah ditanam hasil sumbangan daripada pihak I-Green Landscape dan Pro T. Penanaman pokok ini telah dilaksanakan oleh sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan MPS dan juga Daikin Malaysia.

Inisiatif kolaboratif yang dilaksanakan ini juga menyokong tiga 'Sustainable Development Goals' iaitu SDG 11 : Bandar dan Komuniti Mampun, SDG 13 : Tindakan Iklim dan SDG 17 : Kerjasama untuk Pelaksanaan.

Selain itu, ia juga secara tidak langsung dapat memupuk semangat kehijauan cintakan alam sekitar seterusnya dapat meningkatkan kualiti kawasan persekitaran pentadbiran Selayang untuk manfaat komuniti setempat. Semoga langkah dan usaha penanaman pokok ini dapat memberikan kesan positif yang signifikan terhadap kehidupan seharian kita dan juga pada masa akan datang.

**#TAMAT#**

#### Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**  
Majlis Perbandaran Selayang  
**19 Ogos 2023**